

DATE: 20/11 / 2008

BH - 20/11/2008

## Singkir segera pemimpin parti rasuah: Dr Mahathir

**P**UTRAJAYA: Bekas Presiden Umno, Tun Dr Mahathir Mohamad menyarankan Umno segera mengambil tindakan drastik bagi 'membersih' dan menyingkirkan pemimpin parti yang terbabat dalam politik wang.

Beliau berkata, usaha itu perlu kerana bimbang Umno yang juga parti terbesar dalam komponen Barisan Nasional (BN) akan kalah teruk pada pilihan raya umum akan datang jika pemimpin yang terbabat dalam politik wang tidak dibuang.

"Ini adalah nasib yang menunggu Umno jika tiada usaha membersihkannya mulai sekarang. Mereka yang terbabat dalam politik wang mesti disingkir, dituduh di mahkamah dan dihukum.

"Jika tidak ada tindakan menyeluruh diambil terhadap mereka, maka rakyat tidak akan percaya pada Umno.

"Mereka mesti digugurkan... kalau tidak dibersihkan Umno saya percaya inilah kali terakhir negara diperintah sebuah parti dipimpin Umno," katanya berucap pada majlis dialog mengenai perkembangan isu semasa di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini, petang semalam.

Dr Mahathir berkata, rakyat tidak akan sokong Umno dan BN jika pemimpinnya yang terbabat dalam politik wang tidak disingkirkan sebaliknya dipilih menjadi calon bertanding pada pilihan raya akan datang.

"Apabila guna wang, pandangan pengundi kepada mereka amat buruk... mereka pandang jijik orang macam ini dan pada pilihan raya akan datang sudah tentu yang akan dapat jadi calon ialah mereka yang cekap memberi wang supaya dapat jadi calon.

"Rakyat akan pandang Umno ini sebagai meletak calon yang semuanya terbabat rasuah dan apakah rakyat akan undi kepada calon-calon ini?," katanya.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, pemimpin Umno sedemikian juga akan gagal memperoleh sokongan ahli bukan Umno tetapi penyokong setia parti itu sendiri.

"Memang mereka boleh mendapat undi ahli Umno saja tetapi itu tidak menjamin kemenangan jika gagal memperoleh sokongan rakyat," katanya.